



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TENDER	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH / MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	<u>NO. TENDER</u> T0007/25 <u>NO. RUJUKAN</u> F8/8/6/25 <u>TAJUK</u> CADANGAN PENGOPERASIAN BAS HENTI-HENTI DI ZON A DAN ZON B DI DALAM BANDAR RAYA IPOH TERMASUK PEMBEKALAN BAS ELEKTRIK, PENYELENGGARAAN SERTA INFRASTRUKTUR PENGECAS BAS ELEKTRIK	<u>(TERBUKA)</u> BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN <u>KOD BIDANG :</u> 221503 – KENDERAAN/ JENTERA/ KENDERAAN REKREASI DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)	<u>TARIKH IKLAN</u> 12 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS) <u>TARIKH JUAL</u> 18 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS) <u>TARIKH AKHIR PEMBELIAN</u> 09 OKTOBER 2025 (KHAMIS) <u>HARGA DOKUMEN</u> RM300.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my	18 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS) <u>MASA PENDAFTARAN KEHADIRAN</u> 9.00 PAGI – 9.30 PAGI <u>TAKLIMAT</u> 9.30 PAGI <u>TEMPAT BERTUMPUL</u> BILIK GERAKAN, TINGKAT 2, MAJLIS BANDARAYA IPOH	<u>TARIKH TUTUP</u> 10 OKTOBER 2025 (JUMAAT) 12:00 TENGAH HARI <u>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER</u> PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA YANG DIBERI KUASA DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PETENDER DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PETENDER YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTAI DAN MEMBELI TENDER INI.

- Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen tender dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 09 OKTOBER 2025 (KHAMIS). KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**
- Naskah Meja Dokumen Tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.
- Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat **dengan Sijil Kementerian Kewangan** serta masih sah lakunya, **60 hari sebelum tamat tempoh** dan ianya dikira dari tarikh mula jual.
- Petender mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya petender mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**
- Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH.**
- Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.
- Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH